

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melakukan proses pengagihan kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri dalam Sektor Kesihatan Awam sebagai satu usaha meningkatkan keberkesanan menangani wabak penyakit, misalnya Pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang sedia maklum, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] telah digunakan bagi maksud mencegah dan mengawal penularan wabak COVID-19 dan lain-lain penyakit berjangkit di Malaysia. Akta 342 adalah suatu Akta yang telah digubal bagi menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit.
2. Bagi menangani penularan kejadian pandemik COVID-19 di Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggunakan Operasi Pengurusan Bencana sebagaimana yang digariskan melalui Pelan Pengurusan Bencana KKM.

3. Operasi Pengurusan Bencana ini melibatkan pelaporan dan penilaian risiko di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan seterusnya di peringkat Ibu Pejabat KKM.

4. PKD dan JKN juga merupakan anggota tetap bagi Jawatankuasa Bencana di peringkat daerah dan negeri. Jawatankuasa ini terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan di peringkat daerah / negeri dan bertindak sebagai badan yang menyelaras aktiviti bagi pengurusan bencana di peringkat daerah, dan negeri.

5. Jawatankuasa ini bukanlah satu jawatankuasa yang baru, dan semasa kejadian pandemik COVID-19 ini, KKM telah menggunakan platform jawatankuasa ini bagi menggerakkan aktiviti penyelarasan respon terhadap COVID-19 di peringkat masing-masing.

6. Apabila terjadinya satu bencana dan dalam konteks ini kejadian penularan COVID-19 di sesuatu daerah, Jawatankuasa Bencana ini akan diaktifkan. Wakil KKM di peringkat daerah, iaitu Pegawai Kesihatan Daerah dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) akan mengemaskini isu berkaitan dan perancangan bagi respon terhadap kejadian pandemik tersebut di peringkat daerah.

7. Pada masa yang sama, PKD juga akan memaklumkan status dan perancangan daerah kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) untuk penilaian seterusnya. Di peringkat negeri, JKN juga akan memaklumkan situasi kejadian pandemik di negeri masing-masing kepada Jawatankuasa Bencana di peringkat negeri. Ini adalah untuk memastikan penyelarasan di peringkat negeri dapat dilaksanakan.

8. Begitu juga, JKN akan memaklumkan mengenai situasi pengurusan kejadian pandemik ini kepada *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, yang merupakan entiti di peringkat Ibu Pejabat KKM bagi penilaian risiko seterusnya.

9. Di peringkat dua (2) jawatankuasa utama, iaitu Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan COVID-19 KKM dan Jawatankuasa Eksekutif Teknikal COVID-19 KKM akan mempunyai penilaian serta merancang aktiviti intervensi kesihatan seterusnya. Jawatankuasa ini juga akan memberi maklumbalas yang berkaitan kepada pelbagai peringkat mesyuarat yang selanjutnya, sebagaimana berikut:

- (i) Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri; dan
- (ii) Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan.

10. Adalah dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik juga turut melibatkan kesemua Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi memastikan isu-isu yang dibincangkan di peringkat tersebut difahami dengan jelas, bagi membolehkan keselarian dari segi pelaksanaannya di lapangan.

11. Justeru, KKM berpandangan cadangan agar proses pengagihan kuasa diberikan kepada kerajaan-kerajaan negeri dalam Sektor Kesihatan Awam sebagai satu usaha untuk meningkatkan keberkesanan menangani wabak penyakit merupakan suatu pendekatan yang bersifat '*redundant*' terhadap apa yang telah sedia dilaksanakan pada ketika ini.

12. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri adalah dialu-alukan untuk membantu Kerajaan Persekutuan mengembeling semua sumber Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk mencegah dan mengawal penyakit berjangkit terutamanya COVID-19.

Sekian, terima kasih.